

## Perdana University, UNCTAD jalin MoU

PERDANA University Malaysia memperkenalkan program Sarjana Perdagangan Antarabangsa (MIT) yang memberi tumpuan kepada rundingan perdagangan antara dua negara atau lebih.

Naib Canselor Perdana University, Datuk Dr S Sothi Rachagan berkata, program sarjana itu merupakan kerjasama antara Perdana University dengan Persidangan Pembangunan dan Perdagangan Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) serta Zurich University of Applied Sciences (ZHAW), Switzerland.

"Objektif, reka bentuk dan pelaksanaan MIT akan mempromosi kepentingan negara-negara membangun serta melahirkan graduan yang mahir dan berkebolehan dalam rundingan perdagangan

antara dua negara atau lebih.

"Oleh itu pemuliharaan pelajar dilakukan secara teliti dan kami tidak akan mengambil pelajar lebih dari 40 orang untuk kumpulan pertama," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian persetujuan antara ketiga-tiga pihak di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, UNCTAD dan ZHAW akan menyediakan tenaga pengajar profesional untuk program tersebut di Malaysia.

Turut hadir Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Ir Hamim Samuri.

Hamim, dalam ucapannya berkata, program sarjana itu bukan sahaja memenuhi keperluan pegawai untuk agensi kerajaan, tetapi juga bagi agensi lain.

"Ini kerana program tersebut menyediakan modul nilai rundingan dan latihan rundingan berdasarkan kajian kes sesuatu pertikaian antara dua negara atau lebih," katanya.

Program sarjana ini mempunyai 12 modul secara keseluruhan bagi tempoh pengajian minimum 15 bulan dan maksimum empat tahun yang bermula pada Januari 2015.



SOTHI

## Naza pengedar rasmi Koenigsegg

NAZA Sweden Motors Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat kepada Kumpulan Naza menjadi pengedar rasmi kereta Koenigsegg di Malaysia dan Indonesia.

Menurut Pengerusi Eksekutif Bersama Kumpulan Naza, Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin, Naza Sweden Motors merupakan satu-satunya francais Koenigsegg daripada 15 yang terdapat di seluruh dunia yang diperuntukkan hak mengedarkan model tersebut bagi dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia.

"Satu aspek penting dalam perniagaan Naza adalah meningkatkan gaya hidup pelanggan dan melaksanakan impian mereka menjadi realiti," katanya di Majlis Pelancaran Ibu Pejabat Naza Sweden Motors di Naza World Automall, Petaling Jaya.



Dari kiri: Von Koenigsegg, Carlsson G dan SM Faisal.

Pelancaran Naza Sweden Motors juga menandakan pengenalan kereta model Koenigsegg Agera S ke Malaysia dan juga Indonesia.

Menurutnya lagi, dengan mewakili Koenigsegg, Kumpulan Naza berupaya mengembangkan lagi jenama kereta itu di samping

memantapkan kedudukannya dalam industri automotif tempatan dan juga di rantau ASEAN.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut Pengasas Koenigsegg, Christian von Koenigsegg dan Duta Besar Sweden ke Malaysia Bengt Carlsson G.